140

NO SOALAN :~~61~~ 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**12.03.2015**

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan syarikat yang telah berdaftar dengan Jabatan Kastam berhubung GST setakat 28 Februari 2015, anggaran syarikat yang belum/tidak berdaftar dan apakah tindakan ke atas peniaga-peniaga yang telah mengutip cukai GST sebelum tarikh dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 5 Februari 2015, jumlah syarikat yang berdaftar dengan GST

ialah 348,303 yang merangkumi 270,555 berdaftar wajib dan 75,705 berdaftar secara sukarela. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah dan sedang melaksanakan OPS GST bagi mencari syarikat yang gagal berdaftar GST. Syarikat yang didapati bersalah akan didenda sebanyak RM15,000.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, GST yang dimaksudkan telah dicaj oleh peniaga adalah *government service tax* atau cukai perkhidmatan dan bukannya *Goods and Services Tax* (GST). Perkara ini berbangkit ekoran penggunaan nama ringkasan atau akronim yang sama. Terdapat juga peniaga yang telah menukar atau menaiktaraf sistem perkomputeran sebagai persiapan untuk melaksanakan GST. Sehubungan itu, mereka telah meletakkan perkataan "GST" dalam invois mereka tetapi sebenarnya tiada GST yang dikenakan buat masa sekarang.

Orang ramai boleh berhubung dengan JKDM di talian bebas tol iaitu 1 300 888 500 atau menyemak di portal GST iaitu gst.customs.gov.my untuk mendapatkan pengesahan mengenai status sesebuah perniagaan itu sama ada berdaftar dengan GST atau layak mengenakan cukai

perkhidmatan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 pada masa ini. Tindakan akan diambil sekiranya terdapat syarikat yang mengutip cukai tanpa dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan sebelum pelaksanaan GST.